

Pembangunan Bukit Gasing belum lulus

KOSMO

24/11/2006

KUALA LUMPUR - Pembangunan di kawasan Bukit Gasing yang terletak di sempadan ibu kota dan Petaling Jaya masih belum diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk sebarang projek sehingga kini.

Datuk Bandarnya, Datuk Ruslin Hassan berkata, pihaknya masih belum mengeluarkan sebarang keputusan berhubung cadangan Tetuan Gasing Meridian Sdn. Bhd. untuk membina 142 lot rumah banglo di atas tanah seluas 15.4 hektar miliknya.

Jelasnya, DBKL telah merujuk cadangan pembangunan itu untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar Wilayah Persekutuan yang melibatkan pelbagai jabatan.

"Antaranya ialah DBKL, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Jabatan Kerja Raya, Ikram dan Pusat Penyelidikan Tanah Runtuh Negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar bagi menjelas-

kan bantahan orang ramai berhubung kelulusan pembangunan di kawasan itu yang dikatakan telah dikeluarkan oleh DBKL di ibu pejabatnya, di sini semalam.

Menurut Ruslin, satu laporan balas akan dikemukakan kepadanya selepas jawatankuasa itu bermesyuarat secepat mungkin bagi membuat keputusan berdasarkan garis panduan yang telah mereka putuskan.

Tambahnya, ia akan melibatkan aspek-aspek seperti perancangan, kejuruteraan, keselamatan, pencemaran, saliran dan banjir termasuk kesejahteraan para penduduk di sekitarnya selain dasar kerajaan.

"Secara teknikalnya permohonan untuk membangunkan kawasan ini belum lagi mendapatkan keputusan rasmi Datuk Bandar Kuala Lumpur," ujarnya.

Justeru itu, beliau berharap penduduk yang berdekatkan tidak perlu lagi bimbang dengan tahap keselamatan mereka kerana projek pembangunan di bukit berkenaan masih belum diluluskan.